



Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA Malaysia)

Galeria PjH, Aras 9, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya, Malaysia.

T: +603-8870 5800 F: +603-8870 5900 E: info@seda.gov.my W: www.seda.gov.my



PENGUMUMAN

PEMBUKAAN KUOTA 20 MW SOLAR FOTOVOLTAIK DAN KADAR PENGURANGAN YANG TERPAKAI

Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA Malaysia) mengumumkan pembukaan kuota 20 MW solar fotovoltaik (PV) bagi bukan individu di bawah kategori 500kW pada hari Selasa, **2 April, jam 12 tengahari**. Kuota solar PV 20 MW ini tertakluk kepada kadar pengurangan sebanyak 20%, bagi kapasiti terpasang melebihi 24 kW, seperti yang telah diumumkan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) sebelum ini. Kadar pengurangan kriteria bonus bagi modul solar PV dan penyongsang (*inverter*) keluaran tempatan telah dikurangkan daripada 8% kepada 0%. Kadar pengurangan ini akan berkuat kuasa pada 28 Mac 2013.

Pemohon Kelulusan Galakan yang ingin memohon kuota solar PV 2013 ini diingatkan agar memastikan bahawa sistem solar PV mereka akan mula tugas (*commissioned*) sebelum 1 Januari 2014. Sekiranya tarikh mula tugas bukan di dalam tahun permohonan FiA diluluskan, kadar FiT yang mereka terima pada tahun berikutnya adalah tertakluk kepada kadar pengurangan terpakai iaitu pada tahun permohonan FiA dibuat. Contohnya, sekiranya pemegang Kelulusan Galakan (FiAH) tidak berjaya memula tugas sistem solar PV sebelum 1 Januari 2014, kadar pengurangan pada tahun ini bermula daripada 28 Mac untuk kapasiti terpasang lebih daripada 24kW adalah 20%. SEDA Malaysia diwajibkan untuk mengkaji kadar pengurangan sebanyak 2 kali setahun. Sekiranya kadar pengurangan (untuk kapasiti terpasang lebih daripada 24kW) seterusnya diturunkan kepada contohnya 9% pada 1 Januari 2014, mana-mana FiAH yang gagal memula tugas bagi sistem PV mereka pada/sebelum 31 Disember 2013 akan tertakluk kepada kadar pengurangan yang terpakai semasa permohonan dibuat iaitu sebanyak 20%. Kadar pengurangan baru sebanyak 9% tersebut hanya terpakai

kepada mereka yang memohon selepas 31 Disember 2014. Ini bermakna FiAH untuk kadar 2013 yang membangunkan sistem solar PV kapasiti berkaitan yang belum mula tugas pada 1 Januari 2014 akan mengalami pengurangan tarif lagi sebanyak 20%.

SEDA Malaysia mengingatkan semua pemohon FiA untuk mendaftar di Sistem Atas Talian e-Fit; memastikan telah disahkan dan status lengkap sebelum mereka layak untuk memohon kuota solar PV yang akan dibuka pada 2 April 2013. Semua permohonan atas talian hendaklah dilengkapkan pada/sebelum 10.00 am, 28 Mac 2013. Sistem atas talian e-FiT (<https://efit.seda.gov.my>) ini tidak akan boleh diakses bermula jam 10.00 pagi sehingga 12 tengahari pada 2 April 2013 untuk membolehkan persediaan terakhir pembukaan kuota solar PV 20 MW.

SEDA Malaysia juga menasihatkan agar semua pemohon Kelulusan Galakan untuk memahami pindaan yang terdapat pada Peraturan Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan (Pindaan) 2013, dan mematuhi semua pindaan yang terdapat di dalam Garis Panduan Pentadbiran untuk memastikan permohonan mereka berjaya dihantar untuk diproses. Pemohon juga diingatkan supaya menyertakan dokumen dan maklumat yang sahih kerana sebarang pemalsuan maklumat dan dokumen boleh menyebabkan penolakan atau pembatalan Kelulusan Galakan yang diberikan dan/atau boleh disabitkan kesalahan di bawah Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 dan/atau mana-mana Perundangan Subsidiari berkaitan.

